



Pemikiran Dalam Novel-Drama *Bila Tuhan Berbicara* Karya Faisal Tehrani

Faisal Tehrani's Thoughts in Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara

Rosmah Derak

rosmah@ums.edu.my

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.4.2020>

Received: 15 July 2020; Accepted: 28 October 2020; Published: 09 November 2020

Cite this article (APA): Derak, R. (2020). Pemikiran Dalam Novel-Drama *Bila Tuhan Berbicara* Karya Faisal Tehrani. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 44-54. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.4.2020>

ABSTRAK

Novel-drama *Bila Tuhan Berbicara* (BTB) karya Faisal Tehrani telah diterbitkan oleh Al-Ameen Serve Holdings pada tahun 2007. Novel ini sangat unik kerana menggabungkan dua genre iaitu novel dan drama yang dikenali sebagai novel-drama. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek pemikiran yang terdapat dalam novel-drama ini. Kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan digunakan untuk mencapai objektif kajian. Justeru, pembacaan rapi atau pembacaan secara mendalam digunakan untuk mengesan pemikiran dan seterusnya menganalisis pemikiran yang terdapat di dalam novel-drama BTB. Hasil kajian mendapati, Faisal Tehrani telah menonjolkan pemikiran yang berkaitan dengan pementasan drama atau teater Islam, pemikiran keagamaan, pemikiran tentang kepentingan ilmu pengetahuan, pemikiran tentang ilmu perubahan serta pemikiran yang berkaitan dengan politik. Berdasarkan kepada pemikiran ini menunjukkan bahawa novel-drama ini membawa wacana penting terutama yang berkaitan dengan penghasilan teater dan drama Islam. Pementasan drama dan teater Islam wajar meletakkan ajaran Islam sebagai paksi utama untuk memberi pengajaran kepada penonton. Oleh itu, novel-drama ini wajar dibaca oleh penggiat drama dan teater Islam sebagai panduan untuk menghasilkan drama dan teater berunsur Islam. Hal ini kerana pementasan Islam boleh digunakan sebagai medium dakwah dan tarbiyah kepada penonton selain memberi hiburan.

Kata kunci: novel-drama; pementasan drama; pemikiran; *Bila Tuhan Berbicara*; drama Islam

ABSTRACT

Novel-drama *Bila Tuhan Berbicara* (BTB) by Faisal Tehrani was published by Al-Ameen Serve Holdings in 2007. *Bila Tuhan Berbicara* is a very unique work by Faisal Tehrani as it combines two genres at once, namely novel and drama known as novel-drama. This paper aims to analyze the thoughts found in this novel-drama. Content analysis research methods and literature review are used to achieve the objectives of the study. Thus, reading or systematic in-depth reading is used to detect and analyze thoughts that are present in the BTB novel-drama. The findings show that Faisal Tehrani presents various thoughts in this novels such as drama's performance (Islamic theatre), religious, the importance of knowledge, knowledge of medicine and political thoughts. Based on this thinking shows that these novel-drama carry important discourse mainly those related to the production of theater and Islamic drama. The staging of Islamic drama and theater should place the teachings of Islam as the main axis to educate the audience. Therefore, these novel-drama should be read by Islamic drama and theater activists as a guide to produce Islamic drama and theater. This is because Islam staging can be used as a medium of propaganda and education to the audience as well as provide entertainment.

Keywords: novel-drama; drama's performance; thought; *Bila Tuhan Berbicara*; Islamic drama





PENGENALAN

Karya kesusasteraan merangkumi segala macam bentuk pemikiran yang ingin diketengahkan, sama ada sebagai nilai pendidikan, amanat, mesej, tauladan dan sebagainya (Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Razali dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2011: 140). Sebuah karya kreatif merupakan wadah yang digunakan oleh pengarang untuk menyalurkan pendapat dan pemikirannya kepada masyarakat. Pemikiran dan pendapat tersebut disampaikan melalui peranan watak sehingga membawa kepada perkembangan sebuah cerita yang dihasilkan dengan pelbagai teknik penceritaan (Noraini Ibrahim dan Ani Omar, 2017: 17). Novel khususnya dicipta untuk menyampaikan sesuatu pemikiran kepada pembaca. Ia merupakan sebuah karya sastera terkandung di dalamnya sekian banyak amanat dan maksud, yang indah dan mencabar pembaca (A. Rahim Abdullah, 1995: ix). Pemikiran bukanlah tema tetapi merupakan keseluruhan makna tersirat yang menjadi aspirasi pengarang (Maimunah Hj. Omar, 1992: 3). Menurut Zabidin Hj. Ismail, lazimnya pemikiran dalam novel diketengahkan melalui unsur tema dan persoalan sama ada berbentuk dialog atau deskriptif. Namun begitu, melalui unsur-unsur dalaman, di sebalik penggunaan lambang atau imej, di situ juga wujud pemikiran tetapi ia memerlukan pemahaman yang lebih mendalam untuk memahaminya kerana pemikiran itu seakan-akan tersembunyi dan amat implisit sifatnya (2010: 30). Berdasarkan kepada tanggapan ini, seseorang pengarang menggunakan karya kreatif seperti novel untuk melontarkan idea, gagasan, ilmu dan amanat yang seterusnya membentuk idealisme dan kepengarangan pengarang. Pemikiran pula dapat ditelusuri melalui gagasan, idea dan ilmu yang diketengahkan sama ada dalam bentuk tersurat dan tersirat yang memerlukan pemahaman mendalam untuk menggali aspek pemikiran tersebut.



Justeru dalam konteks penulisan makalah ini, karya sastera khususnya novel akan dikaji untuk menganalisis pemikiran yang terdapat dalam karya pengarang prolifik negara iaitu Faisal Tehrani. Faisal Tehrani adalah seorang pengarang muda yang telah menghasilkan lebih daripada 30 buah novel yang sarat dengan pemikiran dan falsafah tentang kehidupan manusia sama ada dalam aspek keagamaan, politik, sosial, ekonomi dan budaya. Setiap satu karyanya membawa pembaca untuk berfikir tentang hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Novel-dramanya yang berjudul *Bila Tuhan Berbicara* (2007) misalnya merupakan karya yang unik kerana menggabungkan dua genre sastera iaitu novel dan drama. Novel ini sarat dengan wacana dan pemikiran pengarang yang boleh ditelusuri melalui tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, teknik penceritaan dan latar yang mendasari penulisan novel-drama ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek pemikiran yang terdapat dalam novel-drama *Bila Tuhan Berbicara* karya Faisal Tehrani.

SOROTAN KAJIAN

Kajian tentang pemikiran dalam novel telah banyak dilakukan oleh para sarjana antaranya oleh Masrizayu Mustafa (2006) yang memberi fokus kepada pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim. Siti Khariah Mohd Zubir (2012) juga banyak melakukan kajian berkaitan dengan aspek pemikiran dalam novel seperti pemikiran pengarang dalam novel *Kabus di Perbukitan* karya Mohamad Kholid bin Hamzah bersama dengan Mohd Izwan Mohd Ali, pemikiran pengarang dalam novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid bersama dengan Norol Nizam Sarkawi (2011) dan pemikiran Khadijah Hashim dalam novel *Badai Semalam* dan *Laila Gadisku* untuk membangunkan sahsiah belia dilakukan bersama Nur Aisyah





Abdullah (2014). Seterusnya, Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim dan Hasmawati Hassan (2016) juga telah mengkaji pemikiran dalam novel yang memberi fokus kepada pemikiran dalam novel *Sebalik Yamashita* dan *Percivel*.

Dalam konteks kajian pemikiran terhadap novel Faisal Tehrani pula, Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat (2019) telah menganalisis sebanyak enam buah novel karya Faisal Tehrani yang memberi tumpuan kepada pemikiran yang terdapat dalam novel *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1511H[Kombat]* (2004), *Surat-Surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2010), *Bahlut* (2010) dan *Bagaimana Anyiss Naik Ke Langit?* (2016). Menurut mereka, keenam-enam novel ini telah mengemukakan pemikiran yang berkaitan dengan pemikiran sosioekonomi, politik dan kepimpinan, keagamaan dan sosiososial. Pemikiran-pemikiran ini menjadi ideologi dan falsafah Faisal Tehrani dan membina individualisme dalam kepengarangan Faisal Tehrani.

Berdasarkan kepada beberapa kajian lepas yang ditemui, kajian tentang aspek pemikiran dalam novel telah banyak dilakukan oleh para sarjana. Namun demikian, kajian pemikiran terhadap novel Faisal Tehrani khasnya novel-drama *Bila Tuhan Berbicara* belum pernah dilakukan. Justeru, kajian ini akan menganalisis pemikiran yang terkandung dalam novel- drama *Bila Tuhan Berbicara* yang terbit pada tahun 2007 kerana karya ini sangat istimewa dan unik kerana menggabungkan dua genre sekaligus di dalam sebuah karya kreatif iaitu gabungan novel dan drama. Novel ini juga sarat dengan pemikiran yang boleh membentuk pemikiran masyarakat khasnya penggiat teater untuk menghasilkan teater atau drama yang berunsur Islam.

NARATIF NOVEL-DRAMA BILA TUHAN BERBICARA



Bila Tuhan Berbicara (seterusnya *BTB*) merupakan genre yang berbentuk novel-drama kerana menggabungkan genre novel dan drama yang boleh dilihat menerusi babak-babak dan skrip yang digunakan oleh pelakon dan pengarahnya. Novel yang menggunakan format drama ini menceritakan tentang tiga orang lelaki yang berlainan latar belakang yang terperangkap di dalam sebuah *bunker*. Mereka ialah Sahlan, seorang saintis yang ingin menukar jantina, Razlan seorang ekstremis agama (ustaz) dan Mazlan seorang doktor perubatan. Ketiga-tiganya telah terperangkap di dalam sebuah *bunker* (kubu) akibat kejadian gempa bumi, taufan dan letupan gunung berapi. Seperti kisah *Ashabul Khafi* yang diceritakan dalam surah *al-Khafi*, ketiga-tiga pemuda ini telah tertidur selama beribu tahun dan bangkit dari tidur dalam dunia yang begitu asing daripada dunia kehidupan mereka sebelum ini. Drama berbentuk futuristik ini juga memperlihatkan mereka bangkit dari tidur dalam dunia baru yang diperintah oleh wanita yang dikenal sebagai Paduka Ratu. Di dalam Dunia Baru, mereka telah melaksanakan misi dakwah untuk memperkenalkan syiar Islam kepada penduduk Dunia Baru yang masih tercari-cari akan agama yang ingin dianuti. Selain itu, mereka juga berusaha untuk mengubati penyakit kusta yang begitu cepat merebak dalam kalangan penduduk Dunia Baru atas permintaan Paduka Ratu.

Melalui novel-drama ini juga, Faisal Tehrani menerangkan tentang asal-usul bangsa Melayu, kedatangan Islam ke Tanah Melayu, ilmu tentang gunung berapi yang diperoleh menerusi watak Sahlan (vulkanologis), ilmu perubatan iaitu bagaimana cara mengubat penyakit kusta serta garis panduan menghasilkan teater sastera Islam yang sesuai dengan teater fitrah yang diketengahkan oleh Noordin Hassan. Novel-drama ini menyokong aliran Teater fitrah yang telah diperkenalkan oleh Sasterawan Negara, Noordin Hassan yang telah memperkenalkan konsep teater fitrah menerusi dramanya yang berjudul “1400” bersempena tahun Hijrah 1400. Menurut Noordin Hassan dalam esei “Teater Fitrah” tersebut (*Dewan Sastera*, Sept. 1983: 4), teater fitrah bermaksud fitrah manusia berkehendak iman terhadap Allah. Ia adalah kunci kepada satu pegangan hidup, daripada Allah kita datang dan kepada





Allah kita kembali. Tambahnya lagi, tujuan hidup dalam Islam adalah menuju kepada keredaan Allah dan fitrah manusia berkehendak iman kepada Allah.

Menurut Faisal Tehrani dalam *BTB*, drama Islam sebagaimana yang ditekankan oleh Noordin Hassan dalam teater fitrah, adalah terikat dengan perjanjian awal manusia dengan Allah dan bertepatan dengan maksud Islam itu sendiri iaitu tunduk dan menyerah diri kepada Allah. Dengan menyerah diri kepada Allah, maka akan lahirlah seniman yang digelar sebagai *homo Islamicus* iaitu manusia yang mempunyai dua peranan sebagai *Abdullah* iaitu hamba Allah dan *Khalifahtullah* iaitu wakil atau khalifah Allah di muka bumi. Meskipun novel ini disampaikan dengan nada yang kadang-kadang menimbulkan kelucuan, namun novel ini sarat dengan ilmu, pemikiran, falsafah dan dakwah yang cuba disampaikan oleh pengarang dengan cara yang santai namun mampu memberi kesan kepada jiwa pembaca. Menurut Faisal Tehrani lagi, dialog dan monolog watak-watak di dalam novel ini memberi gambaran kepada perangai, nilai dan falsafah kewujudan manusia.

Melalui watak Pengarah yang sering hadir di dalam cerita ini (boleh ditafsirkan sebagai watak Faisal Tehrani itu sendiri), beliau menjelaskan dalam pementasan drama yang berunsur Islam, sasterawan Noordin Hassan telah memberi garis panduan penting kepada para seniman atau dramatis. Enam prinsip telah digariskan oleh Noordin Hassan yang boleh digunakan oleh dramatis untuk menghasilkan drama berunsur Islam iaitu, pertama, mempercayai bahawa beriman kepada Allah itu ialah fitrah manusia. Kedua, pengarang mesti menyedari matlamat dan pengertian dijadikan Allah iaitu untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Ketiga, akidah murni dan syariat menjadi asas kepada niat dan amal di dalam berkarya. Keempat, bila kita beriman kepada Allah maka haruslah mendatangkan kesan rohaniah iaitu keyakinan penuh dan tidak tergugat sama sekali oleh apa pun. Kelima, pembaca atau penonton drama fitrah yang beragama Islam mestilah mendapat kesan dari prinsip keempat tetapi pembaca atau penonton bukan Islam akan mendapat kesan moral baik darinya. Yang terakhir, teater fitrah itu mesti dapat menyentuh perasaan misalnya adegan berjihad mempertahankan negara haruslah meninggalkan kesan patriotik serta kasihkan agama (Faisal Tehrani, 2007: 57-60). Dengan panduan tersebut, Faisal Tehrani cuba menerapkan prinsip-prinsip teater fitrah dalam novel-drama ini dengan cara mengabungjalinkan novel dan drama dalam penceritaan ini yang seterusnya membentuk wacana dan pemikiran tentang sebuah drama Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pembacaan mendalam terhadap teks (novel-drama) *Bila Tuhan Berbicara* (2007) karya Faisal Tehrani. Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) atau kajian teks digunakan untuk mengesan aspek pemikiran yang terdapat dalam novel-drama ini. Oleh yang demikian, pembacaan yang rapi dilakukan bagi mengesan aspek pemikiran yang diutarakan oleh pengarang sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat dan seterusnya menganalisis aspek pemikiran tersebut. Kajian teks ini juga dibantu dengan kajian kepustakaan untuk memperkukuhkan lagi analisis teks tentang aspek yang dikaji sama ada melalui artikel jurnal, buku dan kertas kerja yang berkaitan dengan aspek pemikiran yang menjadi kajian.

ANALISIS PEMIKIRAN DALAM NOVEL-DRAMA *BILA TUHAN BERBICARA*

Pemikiran tentang pementasan drama atau teater Islam

Hasil daripada analisis yang dilakukan, kajian mendapati bahawa novel-drama *BTB* sarat dengan pemikiran pengarang dalam bentuk yang tersurat dan tersirat. Kajian mendapati novel ini menekankan pemikiran tentang pementasan yang perlu ada bagi sebuah drama Islam atau teater Islam. Hasil pengamatan yang teliti dan kajian yang dilakukan oleh Faisal Tehrani





menunjukkan bahawa drama Islam boleh menyuntik elemen pengajaran kepada penonton berlandaskan nilai-nilai Islam yang diterapkan sama ada dalam bentuk dialog, plot, watak dan perwatakan, sudut pandangan dan berbagai lagi aspek yang mengisi ruang naratif dalam sesebuah novel.

Faisal Tehrani melalui watak Pengarah yang seolah-olah mengarah pementasan drama Islam ini secara terus terang memberi nasihat kepada dramatis agar melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang bersandarkan al-Quran dan al-sunnah dalam usaha untuk menghasilkan sebuah drama Islam. Selain itu, beliau juga menggariskan beberapa prinsip asas dalam penghasilan drama Islam berpandukan kepada teater fitrah gagasan Noordin Hassan. Menurutnya, drama Islam perlu menonjolkan tentang kehidupan sebagai seorang Muslim yang sedar akan hakikat dan tujuan hidup sebagai khalifah Allah. Selain itu, seseorang dramatis juga perlu menguasai ilmu pengetahuan yang bersandarkan kepada al-Quran bagi menyampaikan kebenaran dalam drama Islam yang dihasilkan. Kisah-kisah pengajaran yang terdapat dalam al-Quran pula boleh dimanfaatkan oleh dramatis bagi menyampaikan pengajaran kepada pembaca:

“...Pengajaran-pengajaran yang disampaikan oleh pelbagai kisah di dalam al-Quran itu namanya taujih. Taujih itu kalau seseorang dramatis cukup pandai, maka tentu dapat dimanfaatkan juga dengan disalurkan menerusi pelbagai cara. Taujih boleh sahaja diselit pada dialog, pada plot, pada humor, pada watak dan perwatakan, pada sudut-sudut pandangan dan berbagai-bagai lagi aspek dan komponen yang mengisi ruang naratif. Kerana taujih bersatu dan bertaut rapat atau hidup berpasangan dengan kisah atau cerita...ruang naratif tidak hanya diisi dengan taujih dan cerita sahaja kerana terdapat juga aspek mulahazah untuk mengimbangi aspek kebenarannya. Kebenaran adalah aspek yang menentukan keindahan di dalam drama Islam.”

(Faisal Tehrani, 2007: 141-142)

Menurut pengarang (melalui watak Pengarah), aspek kebenaran sangat dititik beratkan dalam drama Islam. Sesebuah drama Islam wajar mengutamakan aspek kebenaran berbanding hal-hal lain agar drama tersebut boleh dikategorikan sebagai drama Islam. Sebaliknya, drama yang tidak dapat menyampaikan kebenaran di dalam karya atau pementasan adalah tidak wajar dianggap sebagai drama yang ‘benar’ di dalam drama Islam. Drama Islam boleh menjadi satu titik tolak kepada pemantapan dan peningkatan akidah pembaca selain menjadi alat pembentukan akhlak pembaca atau penonton dalam drama pementasan melalui asas-asas keimanan yang diterapkan. Konsep *amar makruf* dan *nahi mungkar* juga menjadi landasan kepada drama Islam untuk mencapai matlamatnya iaitu mengajak penonton melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Dalam erti kata lain, drama Islam atau pementasan teater Islam boleh digunakan untuk menyebarkan dakwah Islam kepada penonton dengan penghasilan drama atau teater yang Islamik sifatnya.

Pemikiran tentang keagamaan

Seterusnya analisis mendapati, terdapat pemikiran yang berhubungkait dengan keagamaan di dalam novel-drama *BTB*. Pemikiran tentang keagamaan ini merupakan usaha pengarang untuk menyalurkan pemikiran tentang Islam sama ada hal yang berkaitan dengan akidah, akhlak dan syariat yang terserlah menerusi watak-watak di dalam novel. Novel-drama ini mengemukakan tentang falsafah kewujudan Tuhan serta keyakinan manusia terhadap Allah yang mencipta seluruh alam. Keyakinan tersebut berkait rapat dengan Rukun Islam dan Rukun Iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada Nabi dan Rasul, beriman kepada hari kiamat dan beriman kepada qada dan qadar. Beriman kepada Allah bermaksud seseorang itu meyakini dengan sepenuh hati tentang





kewujudan Allah sebagai pencipta dan pentadbir seluruh alam. Melalui watak Pengarah, Faisal Tehrani mengemukakan suatu falsafah hidup tentang keyakinan bahawa seluruh alam semesta ini berasal daripada Allah dan apabila tiba masanya ia juga akan kembali kepada-NYA. Hakikat ini mesti difahami dan ditanamkan di dalam jiwa setiap Muslim serta menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan dalam setiap aspek kehidupan.

“...kita memahami yang setiap satu di muka bumi ini adalah pinjaman dan perlu kembali kepada Allah Taala bila tiba masanya kelak. Hatta bumi yang kita pijak ini pun akan diambil. Ledakan gunung berapi, gempa bumi tsunami dan macam-macam lagi itu, adalah petandanya.”

(Faisal Tehrani, 2007: 135-136)

Pengarang juga banyak menyentuh tentang pemikiran yang berkaitan dengan akidah manusia menerusi watak Sahlan, seorang vulkanologis yang mengkaji gunung berapi. Saintis ini mengkaji gunung berapi daripada perspektif sains semata-mata tanpa melihat hubungan alam tersebut dengan Allah sebagai Pencipta. Hal ini terjadi kesan daripada pendidikan sekular yang diterima oleh Sahlan.

SAHLAN: “...Aku tak pernah terfikir kerja aku seperti itu, kerja meneliti alamat untuk menemui Tuhan.”

RAZLAN: “Kerana kau kawan adalah mangsa kepada pensekularan alam. Inilah kerja Barat. Pensekularan alam berlaku bila ada usaha untuk memisahkan alam dunia ini dari nilai-nilai kerohanian, diputuskannya gunung berapi dari kuasa Tuhan dan dipadamkan hakikat hari kiamat dan akhirat.”

(Faisal Tehrani, 2007: 74-75)

Pensekularan sains yang dibawa oleh Barat telah menyebabkan Sahlan menganggap bahawa alam tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan Pencipta. Sahlan beranggapan, dengan menjadi pakar gunung berapi, maka beliau dapat memahami segala selok belok tentang gunung berapi. Namun demikian, Sahlan terlupa bahawa fenomena tersebut juga berlaku atas kehendak dan kuasa Tuhan sehinggalah disedarkan oleh Razlan. Menurut watak Razlan (Faisal Tehrani, 2007: 75-76), untuk kita orang Islam, alam ada nilai, fungsi dan kenyataan kerohanian yang amat tinggi dan tepu, mendalam, satu alamat untuk kita menemui Tuhan. Tapi bagi orang Barat dan orang kita yang telah ditimpa sekularisme, mereka hanya nampak alam sebagai sains dan pembangunan, jadi mereka menentukan alam mengikut keperluan dan perancangan mereka.

Berdasarkan analisis, pemikiran tentang keagamaan ini juga dapat dilihat apabila ketiga-tiga pemuda ini iaitu Sahlan, Mazlan dan Razlan dibangkitkan semula selepas tertidur di dalam sebuah gua beribu tahun lamanya. Dalam adegan terakhir novel-drama ini, mereka dibangkitkan semula dalam satu dunia baru yang dinamakan oleh pengarang sebagai Dunia Baru. Kerajaan Dunia Baru ini diperintah oleh seorang wanita bernama Paduka Ratu yang dibantu oleh Memanda Menteri sebagai penasihat dan Mak Tua yang menyimpan, menjaga, memelihara dan merakam sejarah. Dalam kitab simpanannya berjudul ‘Drama Dunia Baru, Bila Tuhan Berbicara’ telah terakam segala bentuk kepercayaan manusia purbakala, tentang peradaban dan kehidupan manusia purbakala. Ketiga-tiga pemuda yang muncul di Dunia Baru itu dikatakan manusia purbakala yang datang daripada tamadun lepas. Keadaan kesihatan mereka juga menimbulkan rasa ingin tahu Paduka Ratu tentang pemuda-pemuda itu. Paduka Ratu memohon pertolongan mereka untuk mengubati penyakit kusta yang dihidapi oleh rakyat baginda. Justeru, kesempatan ini telah digunakan dengan sebaik mungkin oleh Razlan, Sazlan dan Mazlan untuk memperkenalkan syiar Islam kepada Paduka Ratu dan



rakyatnya sehingga Paduka Ratu memutuskan untuk menerima ajaran Islam sebagaimana petikan:

RAZLAN

Kami datang dengan keamanan, membawa bersama ilmu lama yang boleh kami kongsi bersama dan membawa dakwah supaya ajaran agama Islam yang mulia ini terus kekal ke hari akhir...

...

PADUKA RATU

...kami sudah bersedia untuk menerima agama Islam. Moga-moga ada baiknya untuk dunia baru. Moga-moga kami tak mengulangi kesilapan umat terdahulu.

(Faisal Tehrani, 2007: 329-333)

Keikhlasan dan kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga pemuda tersebut menyebabkan Paduka Ratu menerima Islam sebagai anutan mereka dan diperkukuhkan lagi oleh saranan Mak Tua selaku penyimpan kepada kitab-kitab yang berkaitan dengan ajaran Islam bahawa ajaran Islam adalah ajaran yang benar berdasarkan pembacaannya dan diperkukuhkan lagi penerangan daripada ketiga-tiga pemuda terbabit.

Pemikiran tentang kepentingan ilmu pengetahuan

Analisis juga mendapati, Faisal Tehrani cuba mengemukakan pemikirannya tentang kepentingan menuntut ilmu pengetahuan menerusi watak Pengarah yang sering muncul pada masa pementasan drama ini. Hal ini kerana menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011: 41), ilmu adalah intipati yang terpenting dalam pembangunan insan, apatah lagi dalam mengesahkan ibadah kepada yang Maha Esa. Sementelah menuntut ilmu adalah sejajar dengan matlamat Islam yang membudayakan iqra' berdasarkan ayat yang pertama diturunkan di Gua Hira'. Hukum menuntut ilmu adalah fardhu 'Ain, iaitu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh semua individu. Oleh yang demikian, melalui *BTB*, Faisal Tehrani menekankan kepentingan menuntut ilmu melalui watak Pengarah yang seolah-olah mengarah dan mementaskan drama ini. Watak Pengarah yang muncul dalam babak dua, adegan dua, muncul di tengah pentas menghadap penonton sambil bersuara lantang memberi nasihat akan kepentingan menuntut ilmu kepada para penonton. Dengan nada seperti berkhotbah, Pengarah menjelaskan kepada penonton agar mereka mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan:

Kita sebagai orang Islam, bagi mereka yang Islamlahkan, kena mantapkan dua bahagian ilmu iaitu fardu ain dan fardu kifayah. Fardu ain ialah jalur ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap muslim supaya dapat mengentalkan akidah tauhid serta pengetahuan hukum-hakam mengenai kewajipan dan larangan yang tidak boleh dilakukan olehnya. Jadi tak adalah kita buat benda yang salah dalam berdrama. Buat benda yang melanggar syariat dalam pementasan.

(Faisal Tehrani, 2007: 138)

Menurut pengarang, sebagai orang Islam ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah wajar dimantapkan. Dramatis Islam perlu menguasai ilmu pengetahuan agar dapat menghasilkan drama Islam yang boleh membentuk keperibadian penonton. Selain itu, dramatis juga perlu menekankan aspek kebenaran di dalam karya yang dihasilkan. Hal ini sangat penting kerana aspek kebenaran adalah aspek yang menentukan keindahan drama Islam yang dihasilkan. Nasihat demi nasihat diberikan oleh watak Pengarah dapat ditafsirkan sebagai watak pengarang itu sendiri (Faisal Tehrani) yang menekankan kepentingan menuntut ilmu kepada dramatis yang ingin menghasilkan drama berunsur Islam dan juga nasihat kepada penonton dan pembaca. Penggunaan gaya bahasa berbentuk khutbah ini sengaja digunakan



oleh Faisal Tehrani untuk menyedarkan penonton dan pembaca tentang kepentingan menuntut ilmu pengetahuan terutama kepada penggiat teater dan drama Islam.

Pemikiran tentang ilmu perubatan

Seterusnya analisis mendapati, pengarang juga ingin menyampaikan pemikirannya tentang ilmu perubatan melalui watak ketiga-tiga pemuda iaitu Sazlan, Razlan dan Mazlan. Ketiga-tiga pemuda ini diamanahkan oleh Paduka Ratu dalam kerajaan Dunia Baru untuk mengubati penyakit kenohong atau kusta yang dihidapi oleh rakyatnya. Justeru, ketiga-tiga pemuda ini mula mencari penawar penyakit kusta. Mazlan, seorang doktor dalam bidang perubatan berkongsi ilmu pengetahuannya tentang perubatan tradisional yang boleh membantu mereka merawat penyakit kusta yang dihidapi rakyat Paduka Ratu.

Begini menurut sejarah perubatan, rekod paling awal mengenai penggunaan perubatan herba adalah penggunaan minyak dari tumbuhan Hydnocarpusgaertn yang dikatakan sangat berkesan dalam rawatan penyakit kusta. Minyak itu diminum dan disapu. Kegunaan minyak dari tumbuhan tersebut misalnya telah didokumentasikan ketika pemerintahan Maharaja Shen Nung di China dalam tahun 2730 dan juga tahun 3000 S.M. Sementara di Mesir Purba pula mereka gunakan biji pokok popi atau papaversomniferum dan juga biji pokok jarak atau ricinuscommunis yang telah digunakan untuk menyembuhkan penyakit yang sama.

(Faisal Tehrani, 2007: 310)



Menurut Mazlan atau tuan tabib (gelaran yang diberi oleh Paduka Ratu), penyakit kusta ini mungkin tersebar kerana rakyat kerajaan Dunia Baru memakan tenggiling yang berdarah panas. Justeru, Mazlan menyarankan Paduka Ratu untuk mengasingkan rakyat yang sihat dan sakit bagi mengelakkan penyakit ini berjangkit. Hal ini sangat penting untuk mengelakkan kebolejangkitan lebih tinggi dalam kalangan rakyat. Besar kemungkinan juga minyak yang mereka hasilkan tidak dapat menampung keperluan rakyat. Langkah mengasingkan mereka adalah satu langkah yang paling tepat untuk menyelamatkan rakyat Dunia Baru.

Pemikiran politik

Berdasarkan analisis terhadap teks *BTB*, novel-drama ini juga membincangkan tentang pemikiran politik yang berkait rapat dengan aspek antikolonialisme. Menurut Zabidin Hj. Ismail, 2010: 28) pemikiran politik dikaitkan dengan antikolonialisme. Rangkaian kata antikolonialisme secara umumnya dapat digambarkan sebagai sikap individu atau kumpulan yang menentang atau memusuhi dasar atau amalan penjajah yang telah menjajah dan menguasai sesebuah negara. Melalui novel-drama *BTB*, analisis mendapati pemikiran politik pengarang yang berkaitan dengan antikolonialisme terpancar melalui watak Pengarah yang sering muncul dalam babak drama ini. Naratif tentang antikolonialisme yang dikemukakan oleh pengarang juga berbentuk propaganda kerana sifatnya yang cuba mengajak ataupun mempengaruhi penonton secara langsung untuk membenci penjajah atau musuh Islam sebagaimana petikan:

“...Perang yang dilancarkan oleh Barat terhadap umat Islam dan umat Timur bukanlah suatu hal yang baharu. Pernah dengar tentang perang salib...Perang ini mengambil masa sekitar 175 tahun dan siri perang ini telah meninggalkan kesan yang mendalam baik untuk Barat mahupun untuk





umat Islam. Kerana kalah dalam siri perang ini, maka Barat telah menganjurkan satu program baru penaklukan untuk menyusun semula strategi mereka dengan menakluk wilayah-wilayah umat Islam secara besar-besaran... pertentangan antara tamadun Barat Kristian dan kuasa Islam ini tidak berakhir di sini. Malah menjadi marak semula dengan siri perang menentang terorisme pula. Ini semua kesan peristiwa 11 September 2001 di New York diikuti pula perang di Afghanistan dan Iraq..."

(Faisal Tehrani, 2007: 133-134)

Dalam petikan tersebut, Pengarah menerapkan semangat antikolonialisme kepada penonton agar membenci musuh-musuh Islam terutama selepas berlakunya peristiwa Perang Salib dan peristiwa serangan 11 September 2001 di New York. Pengarah juga mengajak penonton untuk mengimbas kembali keganasan yang dilakukan oleh Barat terhadap umat Islam dengan harapan umat Islam khususnya penonton drama Islam ini agar dapat mengambil pengajaran daripada peristiwa tersebut. Mesej yang dibawa oleh pengarang ini lebih bersifat propaganda kerana mengajak penonton untuk membenci penjajah dengan memaparkan kejahatan yang pernah dilakukan oleh kuasa Barat dengan menggunakan gaya bahasa yang berbentuk khutbah bagi mencapai hasrat tersebut.

IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada aspek pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang sebagaimana yang telah dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa novel-drama ini menengahkan wacana dan pemikiran penting dalam penghasilan drama atau teater Islam. Penggiat drama dan teater Islam wajar meletakkan Islam sebagai asas untuk menghasilkan drama dan teater yang berunsur Islam. Dalam hal ini, pengarang menegaskan bahawa Islam tidak semestinya di ajar di rumah ibadat seperti masjid dan surau sahaja tetapi Islam juga perlu disuntik ke dalam drama dan teater Islam untuk memberi pengajaran kepada penonton. Oleh itu, sewajarnya penggiat drama atau dramatis melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan tentang Islam sebelum berkarya. Asas yang paling penting adalah ajaran Islam sebagaimana yang ditekankan oleh Noordin Hassan dalam penghasilan teater Islam dan asas ini digunakan oleh Faisal Tehrani dalam penulisan novel-drama *BTB*. Faisal Tehrani juga seringkali menyebut nama Noordin Hassan dengan teater fitrahnya dalam novel-drama ini untuk memberi panduan kepada dramatis Islam. Justeru, novel-drama ini sangat berguna kepada penggiat teater dan drama Islam kerana novel-drama ini menghidangkan sesuatu ilmu khasnya berkaitan ajaran Islam sebagai tunggak utama dalam penghasilan drama dan teater Islam.

Selain itu, para dramatis Islam perlu menerapkan model teater fitrah gagasan Noordin Hassan sebagai satu landasan untuk menghasilkan drama dan teater Islam. Dalam hal ini, aspek Islam seharusnya dimunculkan dalam drama dan teater Islam sebagai satu medan dakwah bagi memenuhi tuntutan Islam dan masyarakat yang dahagakan pengisian rohani dalam teater dan drama Islam. Bagi menjayakan usaha ini, para penggiat teater dan drama Islam wajar memilih pelakon yang sesuai dengan keperibadian Islam untuk melahirkan pementasan Islam yang berjaya. Dengan kata lain, pementasan Islam dapat menjadi medan dakwah dan tarbiah kepada penonton. Menurut Faisal Tehrani, sudah tiba masanya penggiat drama dan teater menggunakan ruang yang ada untuk melaksanakan misi *amal makruf* dan *nahi mungkar* dalam pementasan drama dan teater Islam.

Melalui novel *BTB* juga, pengarang cuba menyebarkan dakwah Islam melalui penulisan novel-drama ini. Dakwah Islam tersebut sangat ketara ditampilkan menerusi watak Pengarah yang sering kali muncul dalam babak-babak novel-drama ini. Watak Pengarah ini adakalanya didatangkan dengan monolog dalaman dan sesekali tampil di ruang pementasan untuk memberi nasihat kepada penonton tentang kepentingan menghasilkan drama dan teater





yang berunsur Islam. Dengan menggunakan teknik berkhotbah, watak Pengarah menyarankan agar dramatis menggunakan medan ini untuk menghasilkan teater dan drama Islam yang dapat memberi tarbiah kepada penonton.

Seiring dengan mesej yang ingin disampaikan ini, maka novel-drama *BTB* tidak dapat lari daripada unsur propaganda iaitu mengajak penonton untuk membenci penjajah. Semangat antikolonialisme ini disuntik ke dalam diri penonton melalui watak Pengarah yang muncul di tengah-tengah pentas untuk memberi nasihat kepada penonton tentang kejahatan penjajah dan musuh-musuh Islam. Pengarah menceritakan tentang bagaimana bermulanya Perang Salib, penaklukan terhadap wilayah-wilayah Islam, siri Perang Dunia Pertama dan Kedua hinggalah runtuhnya kerajaan Islam seperti empayar Turki Othmaniyyah. Pertentangan antara Barat dan Islam berterusan hingga peristiwa 11 September 2001 di New York sehingga orang Islam cop sebagai pengganas. Dengan demikian, Faisal Tehrani menyarankan agar drama dan teater Islam mengambil peranannya untuk menjadi medan menjawab atau menjadi senjata untuk menjelaskan tentang isu-isu ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, *Bila Tuhan Berbicara* ini adalah novel-drama yang sarat dengan wacana dan falsafah yang membentuk pemikiran pengarang. Pemikiran ini disampaikan melalui watak Sazlan, Mazlan dan Razlan yang telah tertidur beribu tahun di dalam sebuah gua dan bangkit di satu alam lain yang dikenali sebagai Dunia Baru serta watak Pengarah yang sering muncul dalam babak-babak novel-drama ini. Novel-drama berbentuk futuristik ini mengangkat pemikiran tentang pementasan drama atau teater Islam, pemikiran tentang keagamaan dengan tujuan untuk menyampaikan dakwah Islam, pemikiran tentang kepentingan ilmu pengetahuan, pemikiran tentang ilmu perubatan dan juga pemikiran yang berkaitan dengan politik yang memberi fokus kepada antikolonialisme. Faisal Tehrani melalui watak Pengarah yang seolah-olah mengarah pementasan drama Islam ini secara terus terang memberi nasihat kepada dramatis agar melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang bersandarkan al-Quran dan al-sunnah untuk menghasilkan sebuah drama Islam yang memberi pengajaran kepada penonton dan menyarankan dramatis untuk menghasilkan drama berpaksikan kepada saranan Noordin Hassan dalam prinsip teater fitrahnya.

RUJUKAN

- Arba'ie Sujud, Liliy Salwani Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2011). Fenomena sosial dalam cerita rakyat kanak-Kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 138-151.
- A. Rahim Abdullah. (1995). *Pemikiran sasterawan nusantara: Suatu kajian perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2007). *Bila Tuhan Berbicara*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2019). Pemikiran Faisal Tehrani berdasarkan novel-novel pilihan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2, (1), 193-233.
- Maimunah Hj. Omar. (1992). *Panduan menganalisa aspek-aspek di dalam cereka: Penganalisisan novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur karya Keris Mas*. Shah Alam: Institut Teknologi MARA.





Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan. (2016, Oktober). Pemikiran dalam novel *Sebalik Yamashita* dan *Percivel*. Dibentangkan di *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA di Universiti Utara Malaysia.

Masrizayu Mustafa. (2006). *Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Noordin Hassan. (1983). Teater fitrah. *Dewan Sastera*, September, 3-6.

Noraini Ibrahim & Ani Omar. (2017). Analisis pengarang dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Bin Talib. *Sains Humanika*, 9 (3), 17-35.

Siti Khariah Mohd Zubir & Norol Nizam Sarkawi (2011). Pemikiran pengarang dalam novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid. *Jurnal MANU*, 17, 147-169.

Siti Khariah Mohd Zubir & Mohd Izwan Mohd Ali. (2012). Pemikiran pengarang dalam novel *Kabus di Perbukitan* karya Mohamad Kholid bin Hamzah. *Singapore International Journal of Language and Literature (SIJLL)*, 2, 118-136.

Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Aisyah Abdullah. (2014). Pemikiran Khadijah Hashim dalam novel *Badai Semalam* dan *Laila Azwa Gadisku* untuk membangunkan sahsiah belia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 145-174.

Zabidin Hj. Ismail. (2010). *Pemikiran Politik Dalam Novel Ahmad Boestamam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *Gema onlineTM Journal of Language Studies*, 11 (3), 31-51.

